

LAWATAN RASMI PENGARAH POLITEKNIK BANTING SELANGOR KE KOLEJ TENERA UDARA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5755-lawatan-rasmi-pengarah-politeknik-banting-selangor-ke-kolej-tentera-udara

ALOR SETAR, 26 Dis 19 - Politeknik Banting Selangor telah membuat lawatan rasmi ke Kolej Tentera Udara bagi meninjau Pesawat PC 7 yang telah ditamatkan perkhidmatan. Lawatan tersebut diketuai oleh Dr. Hjh. Norhayati binti Zakaria Pengarah Politeknik Banting Selangor.

Semasa Lawatan tersebut, Pengarah Politeknik Banting telah membuat kunjungan hormat kepada Komandan Kolej Tentera Udara, Brig Jen Dato Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM sebagai tanda penghargaan menerima lawatan tersebut.

Tujuan lawatan ini adalah untuk meninjau keadaan pesawat yang akan dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam program pengajian Diploma Kejuruteraan Penyelenggaraan Pesawat. Selain daripada itu ianya juga adalah bertujuan untuk memudahkan proses pemindahan pesawat ke Politeknik Banting setelah mendapat kelulusan kelak.

